

## BPPDP BIL. (02) 2019, EDISI MAC-APRIL



### Isu Utama Akhbar

## Jumlah Pelajar Mengambil Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Semakin Merosot

YB Dr Maszlee Malik

Kementerian Pendidikan mendapati jumlah pelajar yang mengambil mata pelajaran sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) merosot saban tahun, kata Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malik.

Beliau berkata, walaupun peranan STEM berkait rapat dengan pekerjaan baharu muncul dan industri digital yang berkembang pesat, namun penawaran bakat dalam bidang itu agak membimbangkan.

Pada tahun lalu, katanya, hanya 44 peratus pelajar Malaysia mengambil bidang STEM berbanding 49 peratus pada 2012. "Ini merupakan pengurangan purata kira-kira 6,000 pelajar setiap tahun," katanya dalam ucap terna di Sidang Kemuncak Kepimpinan Asia Bett dan Ekspo 2019.

Pada majlis yang sama, Maszlee mengumumkan pelancaran kempen STEM4ALL, dengan objektif utama untuk membina budaya keterangkuman dalam kalangan semua rakyat Malaysia mengenai pendidikan STEM.

Beliau berkata, sokongan akan diberikan kepada sekolah untuk menganjurkan lebih banyak aktiviti STEM dan kelab kurikulum yang boleh menimbulkan minat pelajar untuk mendaftar dalam aliran sains.

Maszlee berkata, kerajaan juga mahu memperluaskan akses pembelajaran STEM kepada komuniti luar bandar, keluarga berpendapatan rendah dan pelajar dengan keperluan khas. "Tahun ini, KPM juga akan mempraktikkan pendekatan untuk pergi ke sekolah-sekolah di pedalaman, sekolah-sekolah luar bandar yang hanya boleh diakses menggunakan bot dan jalan tanah merah.

"Kita mahu membawa STEM kepada mereka, dan bekerjasama dengan sekolah untuk menganjurkan aktiviti dan peluang pengalaman untuk mendedahkan STEM dalam kehidupan mereka," katanya

Sumber : Berita Harian, 12 Mac 2019

## Maklumat dan Pertanyaan

Sektor Pusat Dokumentasi,  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras SB - 1, Blok E8, Kompleks Kerajaan Parcel E, Putrajaya  
Tel : 03-8884 6002 Faks : 03-8884 6284